

Mahathir Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang bersidang hari ini bersetuju melantik Presidennya, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan.

Salah seorang ahli MT, Senator Haji Annuar Musa dari Kelantan dilantik sebagai timbalannya.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang mengumumkan perkara itu selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini pagi ini berharap dengan perantikan itu soal siapa yang harus mengetuai UMNO negeri itu sudah selesai.

Perantikan bagi jawatan tersebut menimbulkan tandanya sebelum ini sama ada ia akan dipegang oleh pemimpin UMNO negeri atau orang luar.

Kalangan para pemimpin UMNO negeri sendiri berbelah

bahagi dalam soal ini.

Bagaimanapun satu sumber memberitahu, perantikan Dato' Sri Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri adalah atas permintaan ramai pemimpin parti di negeri itu.

"Ia adalah bagi memulihkan keyakinan penyokong UMNO di sana (Kelantan)," kata sumber itu.

Pada sidang akhbar itu, beliau juga mengumumkan perantikan Timbalannya, Encik Ghafar Baba sebagai Pengerusi Perhubungan sementara UMNO Sabah.

Mengenai kalendar UMNO, beliau berkata, mesyuarat cawangan UMNO hendaklah diadakan dari 1 Jun hingga 31 Julai 1991 sementara mesyuarat-mesyuarat bahagian pula dari 10 Ogos sehingga 30 September ini.